

R GB 12-10 00161 BA161

bah

Mahathir - Pekerja

MAHATHIR MINTA MAJIKAN-PEKERJA SEPAKAT CARI PENYELESAIAN

KEMAMAN, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pertikaian perusahaan yang membawa kepada tindakan perusahaan seperti piket dan mogok dihapuskan demi kebaikan semua pihak.

Sambil menyifatkan tindakan perusahaan bagi apa juga masalah tempat kerja sebagai "primitif", beliau meminta kedua-dua pihak terlibat menggunakan kaedah perundingan.

Ketika bercakap dalam persidangan akhbar selepas merasmikan loji pengurangan langsung Perwaja Steel Sdn Bhd dekat sini hari ini, beliau berkata, jika perundingan juga gagal, orang ketika perlu dicari untuk menjadi hakim.

Beliau berkata, di Eropah dan Amerika, majikan dan pekerja seolah-olah beradu kekuatan ketika menyelesaikan pertikaian dan tindakan itu selesai hanya apabila salah satu daripada mereka lemah dan terpaksa menerima kehendak pihak yang satu lagi.

Akibat tindakan perusahaan yang sering dilakukan, kadar pengangguran di Eropah misalnya meningkat kerana banyak industri ditutup ekoran meningkatnya gaji kepada pekerja, tambahnya. -- Lagi.

▼12/10/17-53MST

R GB 12-10 00190 BA162

bah

Mahathir - Pekerja 2 (akhir)-Kemaman

Perdana Menteri berkata, kadar gaji para pekerja dinegara ini masih lagi kompetitif walaupun tidak serendah beberapa negara jiran dan faktor harga tenaga buruhlah yang menyebabkan industri negara ini terus maju.

Malaysia sebagai negara membangun boleh dikatakan mundur kerana tidak mempunyai teknologi tinggi, kepakaran atau modal besar tetapi mempunyai aset paling penting iaitu harga buruh kompetitif yang perlu dipertahankan.

Dr Mahathir mengingatkan para pekerja supaya tidak terpengaruh dengan dakwah kesatuan sekerja negara maju yang mendesak mereka menuntut kenaikan gaji kerana beliau berpendapat tindakan itu hanya untuk melemahkan sektor industri negara.

Mengenai Perwaja, beliau berkata, industri besi keluli itu perlu terus berkembang untuk memastikan Malaysia mencapai status negara maju kerana industri besi keluli memainkan peranan besar menggalakkan pembangunan sektor industri.

Beliau berkata, kira-kira RM8,000 juta telah dibelanjakan untuk meneruskan kegiatan Perwaja yang kini mencapai tahap membanggakan.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Pengerusi Perwaja, Tan Sri Zainal Abidin Sulong dan Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia. -- Bernama

AL NMO